

**TINJAUAN KEPENTINGAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN DI  
MALAYSIA**  
**(Review on the Importance of Human Capital Development in Malaysia)**

Oleh:  
Mohd Fauzi Hamat\*  
Mohd Khairul Naim Che Nordin\*\*

**Abstrak**

*Pembangunan modal insan merupakan antara istilah yang popular dalam perbincangan dan perancangan pembangunan pada masa kini. Ia mula diterima secara signifikan dan diperakui sebagai antara tunjang kepada pembangunan ekonomi dan kemajuan sesebuah negara. Justeru, makalah ini akan membincangkan secara umum berkenaan konsep pembangunan modal insan dan kepentingannya dalam pembangunan negara pada masa kini dan akan datang. Perbincangan ini merangkumi konsep modal insan secara umumnya, kepentingan pembangunan modal insan yang seimbang berteraskan pembangunan Islam dan huraian tentang keperluan model pembangunan tersebut dalam aspek pembangunan negara hari ini.*

**Kata kunci:** *pembangunan negara, modal insan, pembangunan Islam, model pembangunan.*

**Abstract**

*Human capital development is one of the most popular terms in the discussion of development planning nowadays. It became significantly accepted and has been recognized as one of the cornerstone of economic development and progress of a country. Therefore, this article will discuss generally the concept of human capital development and its importance in development of the country at present and future. This discussion includes the concept of human capital in general, the importance of a balanced development of human capital based on Islamic development and the description of the needs of the development model in terms of the current national development.*

**Keywords:** *development, human capital, Islamic development, development model.*

**Konsep Modal Insan**

Modal sering kali diertikan sebagai sekumpulan wang, aset dan harta yang dapat digembelengkan ke dalam pelbagai kegiatan untuk menghasilkan keluaran yang

---

\* Mohd Fauzi Hamat, PhD, merupakan Prof Madya dan Ketua, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Email: mfhamat@um.edu.my.

\*\* Mohd Khairul Naim Che Nordin, BUs merupakan calon PhD di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Email: mknncn\_0000@yahoo.com.

menguntungkan. Konsep ini difahami dengan merujuk kepada modal fizikal. Tetapi bagaimana pula dengan modal manusia? Modal manusia atau modal insan ditakrifkan sebagai ciri-ciri yang dimiliki oleh pekerja yang menyebabkan mereka lebih produktif. Modal ini tidak boleh dipindahkan daripada seorang kepada seorang yang lain tetapi seseorang perlu melabur untuk mendapatkannya. Ia dibentuk atau dipupuk melalui pelaburan terhadap pendidikan, latihan sebelum bekerja, latihan semasa bekerja, kesihatan, penghijrahan dan usaha mencari maklumat yang dapat meningkatkan taraf hidup seseorang. Nilai kini terhadap pelaburan tersebut dapat menentukan taraf modal insan yang ada pada seseorang.<sup>1</sup>

Terdapat lima aspek yang mencirikan modal insan iaitu<sup>2</sup>:

1. Modal insan tidak boleh diperdagangkan. Ia berupa pengetahuan dan kemahiran yang menjadi hak milik individu yang diperolehi di atas keupayaan diri.
2. Setiap individu tidak mempunyai cara yang sama dalam membangunkan modal insan. Terdapat individu yang berupaya mempunyai keupayaan diri seawal usia mudanya tetapi terdapat juga individu yang membina keupayaan di usia lanjut.
3. Modal insan dapat dilihat dari aspek kualiti dan kuantiti. Seseorang individu dari sebuah universiti yang sama mungkin mempunyai kualiti dan kuantiti yang berbeza berdasarkan keupayaan dirinya.
4. Modal insan boleh bersifat khusus atau umum iaitu boleh digunakan secara khusus untuk seorang individu sahaja atau boleh diguna secara bersama.
5. Modal insan dipengaruhi oleh aspek luaran iaitu persekitaran dan ikatan sosial. Ia memainkan peranan penting dalam menentukan tahap modal insan yang dimiliki oleh seseorang individu.

Oleh itu modal insan berbeza dengan modal fizikal. Modal fizikal dapat dilihat, dipegang dan dipindahkan tetapi modal insan terdapat dalam diri manusia. Ia tidak dapat dilihat kerana ia hak milik terhad pada keupayaan yang dimiliki. Modal fizikal juga mempunyai jangka hayat dengan berlakunya '*depreciation*' atau pengurangan mengikut jangka waktu. Modal insan pula bergantung kepada proses pendidikan dan latihan. Nilai dirinya akan meningkat jika dia memanfaatkan perkembangan teknologi dan perkembangan baru. Sebaliknya jika dia hanya bergantung kepada pendidikan pertama maka tiada peningkatan nilai dalam dirinya. Modal fizikal juga dapat ditentukan kadar pulangnya dengan mudah tetapi modal insan tidak dapat ditentukan kerana ia tertakluk kepada kitaran hidup seseorang. Di samping itu modal fizikal dikira sebagai sebahagian daripada aktiviti perniagaan, dikenakan cukai dan sebagainya. Namun modal insan sukar untuk diukur berbanding pulangan yang boleh dilihat secara mudah melalui modal fizikal.<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> Rahmah Ismail (1996), *Modal Manusia dan Perolehan Buruh*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1.

<sup>2</sup> Abdul Rahman Ahmad (2006), *Pembangunan Modal Insan: Apa dan Kenapa Perlu Dalam Konteks Organisasi di Malaysia*, Kuala Lumpur: Human Resources Academy, h. 14.

<sup>3</sup> *Ibid.* h. 15 & 16.

Kenapa istilah modal insan digunakan? Insan digunakan kerana ia menonjolkan jati diri manusia itu sendiri dan kenapa ia dianggap sebagai modal adalah kerana ia (iaitu manusia) adalah sumber kepuasan dan pulangan keuntungan akan datang (*future satisfactions and future earnings*).<sup>4</sup> Manusia sebagai modal yang perlu dilabur, seterusnya dibangunkan sebenarnya bukan satu komponen ekonomi yang baru diperkenalkan di Barat. Terdapat empat nama penting yang memelopori dan melihat kepentingan manusia sebagai modal. Tokoh falsafah ekonomi, Adam Smith (1723-1790) memasukkan semua penduduk yang mempunyai kemampuan berguna serta bermanfaat kepada negara sebagai sebahagian daripada modal. H. von Thunen (1783-1859) pula melihat bahawa kegagalan untuk mengaplikasikan konsep modal kepada manusia adalah seperti kerosakan dalam peperangan (*pernicious in wars*). Di sini beliau cuba untuk memaparkan kepentingan manusia sebagai penggerak kepada pembangunan dan kemajuan ekonomi. Jika penggerak ini tidak dilaburkan dengan baik maka ekonomi itu sendiri akan rosak serta bermasalah. Irving Fisher (1867-1947) juga membincangkannya secara jelas konsep insan sebagai modal ini seperti yang dibawa oleh Smith dan Thunen.<sup>5</sup> Alfred Marshall (1842-1924) pula meletakkan pelaburan kepada manusia sebagai modal yang paling bernilai berbanding modal-modal yang lain.<sup>6</sup>

Jelas di sini bahawa konsep modal insan bukan suatu yang baru<sup>7</sup> menurut perspektif Barat. Tokoh ekonomi di era industri Barat cuba untuk menonjolkan kepentingan modal ini tetapi ia masih dilihat sebagai tidak penting kerana bentuk ekonomi bebas pada waktu tersebut yang lebih menumpukan kepada komoditi. Namun kepentingan modal insan sebagai antara asas pertumbuhan ekonomi dilihat sangat penting kini sehinggakan timbul istilah bahawa sesiapa yang menafi dan mengetepikan modal insan sebagai salah satu komponen pertumbuhan ekonomi adalah seperti memberikan penjelasan berkenaan ideologi Soviet tanpa mengaitkannya dengan Karl Marx.<sup>8</sup> Memandangkan penguasaan ilmu amat penting dalam pembangunan modal insan, timbul istilah ilmu pengetahuan adalah enjin pengeluaran yang paling berkuasa (*knowledge is our most powerful engine of production*).<sup>9</sup>

Golongan terkaya dunia pada zaman dahulu menguasai tanah, minyak dan harta tetapi pada zaman moden ini, golongan yang digelar terkaya di dunia ini telah menguasai dan memiliki sistem, proses dan teknologi. Perubahan besar dari komoditi kepada ilmu (*knowledge*) ini telah memberi implikasi kepada strategi

---

<sup>4</sup> Schultz, Theodore W. (1971), *Investment in Human Capital: The Role of Education and of Research*, New York: The Free Press, h. 161.

<sup>5</sup> *Ibid.*, h. 27.

<sup>6</sup> Dhesi, Autar S. (1979), *Human Capital Formation and its Utilization*, New Delhi: Sterling Publishers Pvt. Ltd., h. 1.

<sup>7</sup> Ratna Roshida Abd Razak (2010), 'Modal Insan Aset Utama Pembentukan Tamadun Bangsa', dalam Mohd Roslan Mohd Nor dan Ahmad Zaki Berahim @ Ibrahim (eds.), *Pembangunan Modal Insan & Tamadun dari Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 19-32.

<sup>8</sup> Schultz, Theodore W. (1971), *op. cit.*, h. 27.

<sup>9</sup> *Knowledge* atau ilmu dirujuk kepada modal insan kerana komponen pendidikan dan latihan merupakan aspek penting dalam pelaburan kepada modal insan. Lihat Dhesi, Autar S. (1979), *op. cit.*, h. 1.

ekonomi dan pasaran seluruh dunia.<sup>10</sup> Dunia Arab sebagai contoh telah mencapai prestasi ekonomi yang sangat membanggakan antara tahun 1960-1985. Rantau tersebut telah menerima pelaburan luar yang sangat besar, pembangunan infrastruktur yang meluas dan pembangunan fasiliti pendidikan dan kesihatan yang baik. Paras kemiskinan pula hampir mencapai taraf terendah di dunia. Pertumbuhan dan kemajuan ini tercapai melalui kenaikan harga minyak yang menjadi kunci penting kepada pertumbuhan di rantau tersebut. Namun, paras harga komoditi ini tidak stabil dan semakin rendah. Oleh itu, negara-negara Arab yang mempunyai aset minyak yang besar telah mengalami kemelesetan kerana mereka hanya menjadi pemandu komoditi semata-mata.<sup>11</sup>

Menyedari hakikat itu juga, negara-negara maju dan moden telah secara gigih memberi penekanan kepada pembangunan modal insan. Jepun sejak dari zaman Meiji sehingga kini telah berusaha keras memperkenalkan teknologi bagi mengindustrikan ekonomi. Dalam masa yang sama, kerajaan telah meletakkan keutamaan dengan menyediakan tempat pendidikan dan latihan dalam negara untuk setiap warganya. Untuk itu, kerajaan dan syarikat di Jepun bekerjasama erat menyediakan latihan kemahiran untuk pekerja-pekerja mereka. Ini kerana masalah berkaitan sumber manusia mempunyai kaitan erat dengan institusi pendidikan dan latihan. Usaha-usaha berterusan dan menyeluruh tersebut kini menjadi salah satu faktor penting kepada kemajuan negara Jepun.<sup>12</sup>

Oleh itu pakar ekonomi menyarankan satu reformasi ekonomi dan sosial yang besar dijalankan bagi mencapai enjin pertumbuhan ekonomi yang baru. Enjin kepada ekonomi tersebut ialah menyediakan polisi yang menjadikan ilmu sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi yang utama. Oleh itu, sumber utama pertumbuhan ekonomi kini bukan lagi dalam bentuk material seperti tanah dan komoditi. Ilmu, inovasi dan teknologi telah menjadi sumber baru ekonomi berasaskan pengetahuan yang menjadi pemacu penting kepada pertumbuhan ekonomi global menggantikan modal material.

Justeru, pembangunan modal insan adalah pembangunan yang menumpukan kepada manusia. Matlamat utamanya ialah untuk meningkat dan memajukan individu bagi mendapatkan pulangan pada masa akan datang. Secara asas, ia berkaitan kecekapan dan komitmen seseorang dalam organisasi yang dilihat dari aspek kemahiran, pengalaman, potensi dan kapasiti. Modal insan mengumpul mereka yang mempunyai kemampuan bagi memastikan sesebuah perniagaan dan pentadbiran itu berjaya. Namun demikian, bagaimanakah modal insan ini dapat dibangunkan atau dengan perkataan yang lebih tepat dilaburkan. Program-program pembangunan modal insan yang lengkap dan menepati matlamat menjadikan manusia sebagai modal untuk mendapat pulangan adalah merangkumi

---

<sup>10</sup> Abdullah Ahmad Badawi, "Human Development: The Engine of Economic Growth" dalam *Islam Hadhari Approach: Towards a Progressive Islamic Civilisation*, Putrajaya: JAKIM, h. 14 dan 15.

<sup>11</sup> *Ibid.*

<sup>12</sup> Hideo Seki (1985), "Greeting", dalam *Toward Better Utilization of Human Resources In Asian Countries, Asian Regional Conference on Industrial Relations*, Tokyo: The Japan Institute of Labour, h. 177.

pendidikan, dasar kependudukan dan kesihatan. Grilliches dan Wheeler membuktikan bahawa pendidikan, pemakanan dan kesihatan mempunyai perhubungan yang positif dengan tingkat keluaran negara dan pertumbuhan ekonomi.<sup>13</sup> Pertumbuhan penduduk yang pesat boleh meningkatkan pengangguran. Ia berlaku jika ekonomi tidak mampu berkembang pada kadar yang tinggi untuk menyerap tenaga kerja. Oleh itu tahap ekonomi yang kukuh juga memainkan aspek penting dalam pelaburan kepada modal insan. Taraf kesihatan juga penting bagi menentukan keupayaan seseorang untuk belajar dengan berkesan dan bekerja dengan produktif. Selain itu, pemakanan yang baik dapat mempengaruhi pertumbuhan mental dan tahap kecerdasan seseorang. Ia juga dapat meningkatkan produktiviti tenaga kerja. Ini diperakui sejak dari awal dekad Revolusi Industri sehinggalah kini.<sup>14</sup>

Ia kemudiannya akan berkait dengan dasar perancangan keluarga. Menurut Schultz, sebuah keluarga berpendapatan rendah atau sederhana dan mempunyai anak yang ramai tidak akan mampu menyediakan pemakanan yang sempurna kepada keluarga. Penerusan pendidikan yang lebih tinggi pula akan terbantut, menyebabkan perbezaan pendapatan antara golongan miskin, sederhana dan kaya terus berlaku. Oleh itu, bagi memastikan modal insan dilaburkan dengan berkesan, dasar perancangan keluarga perlu diperkenalkan bagi mengatasi masalah-masalah di atas di samping melahirkan manusia yang benar-benar cekap dan berkemahiran. Menurut Schultz, terdapat lima kategori yang boleh difokuskan untuk meningkatkan keupayaan manusia seterusnya melahirkan modal insan<sup>15</sup>:

1. Kemudahan kesihatan dan perkhidmatan
2. *On-the-job training*
3. Penyediaan pendidikan formal di peringkat rendah, menengah dan tinggi.
4. Program pembelajaran untuk golongan dewasa
5. Migrasi dan penghijrahan seseorang atau keluarga untuk mendapatkan peluang kerjaya yang lebih baik.

Lima aspek tersebut merupakan bentuk pelaburan yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan dengan kerjasama pihak industri dan syarikat. Ia bagi memastikan lahirnya pekerja dan warga negara yang cemerlang dalam profesion masing-masing. Kesemua ini tidak terbentuk secara semula jadi atau terbentuk melalui pengalaman bekerja semata-mata tetapi memerlukan pendidikan yang memakan masa yang panjang dan latihan yang membolehkan seseorang individu tersebut berkemahiran dengan pekerjaannya. Oleh itu pendidikan dan latihan merupakan komponen penting dalam pembangunan modal insan.

### **Kepentingan Pembangunan Modal Insan**

Skala dan indeks pembangunan negara-negara yang digunapakai dan menjadi penanda aras kemajuan dan keutuhan ekonomi sebahagian besarnya adalah seragam dengan aturan acuan yang telah dibentuk oleh institusi-institusi dari

---

<sup>13</sup> *Ibid.*, h. 127.

<sup>14</sup> Schultz, Theodore W. (1971), *op. cit.*, h. 30.

<sup>15</sup> *Ibid.*, h. 36.

Barat. *Institute for Development Management (IMD), World Economic Forum (WEF), AT Kearney Globalisation* dan banyak lagi merupakan pertubuhan, firma dan badan organisasi yang mengkaji, menilai dan menganalisis perkembangan dan pertumbuhan ekonomi negara-negara dunia. *IMD Growth Competitiveness* sebagai contoh menilai skala kemajuan sesebuah negara dengan melihat prestasi ekonomi, keberkesanan kerajaan, keberkesanan perniagaan dan infrastruktur. *WEF Growth Competitiveness* pula melihat dari sudut persekitaran makroekonomi, institusi awam dan kesediaan teknologi. *WEF Human Capital* yang menilai dari sudut sumber tenaga meletakkan skala penilaian berasaskan jumlah sedia ada saintis dan jurutera, tenaga kerja berkemahiran, Latihan OTJ (*On The Job Training*) dan sistem pendidikan.<sup>16</sup>

Berdasarkan kajian tahun 2004 yang dilakukan oleh WEF dari sudut modal insan, Malaysia menduduki tangga ke 34 di peringkat global, 22 tangga di belakang Singapura dan 12 tangga di atas Thailand. Laporan Indeks Kompetitif Global bagi tahun 2009-2010 (*The Global Competitiveness Index Rankings*) yang dikeluarkan oleh Forum Ekonomi Dunia (*World Economic Forum*) meletakkan Malaysia di tangga ke 24 dari sudut nilai saing berbanding di tangga ke 21 untuk kajian tahun 2008-2009.<sup>17</sup> Angka-angka yang diutarakan ini memperlihatkan kemajuan dan pembangunan yang dicapai oleh negara yang dinilai dari sudut kuantitatif. Kuasa ekonomi dunia yang didominasi Barat telah berjaya meletakkan ukuran, pendekatan dan skala berasaskan nilai yang dibentuk mereka untuk diseragam dan digunakan oleh setiap negara di seluruh dunia. Dengan pencapaian pembangunan dan kekukuhan ekonomi yang membanggakan, masyarakat dunia khususnya, negara-negara Islam terpaksa menerima penetapan ini. Gambaran pencapaian pembangunan acuan ekonomi moden ini sebenarnya telah mendatangkan pelbagai wabak permasalahan. Ia membarah, merebak dan membawa bersama ketidakseimbangan pembangunan.

Agenda pembangunan globalisasi dengan pasaran bebas yang bertunjangkan idea kapitalisme ini telah benar-benar membawa kesan tragik kepada masyarakat sejagat. Kapitalisme memberi dua sumbangan kepada masyarakat sejagat, kejayaan kecil dan kegagalan yang besar. Ia membangunkan sains dan teknologi serta meningkatkan produktiviti manusia, tetapi bukan untuk manfaat dan kebaikan semua masyarakat bahkan dikawal oleh pihak-pihak tertentu. Ia juga melahirkan masyarakat ekonomi tetapi hanya di beberapa bahagian kecil dunia. Selain itu, ekonomi dieksploitasi dan disalah guna menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan ketara antara negara kaya dengan negara miskin dan antara golongan terkaya di dunia dengan golongan termiskin di dunia. Kapitalisme membentuk ekonomi antarabangsa serta melahirkan persatuan buruh, tetapi berlakunya perbezaan kualiti, peningkatan monopoli oleh segolongan pihak, penindasan dan salah guna kuasa.<sup>18</sup>

---

<sup>16</sup> National Economic Action Council, <http://www.neac.gov.my/index.php?ch=61&pg=138>, 12 Disember 2008.

<sup>17</sup> World Economic Forum (2009), *The Global Competitiveness Report 2009-2010*, Geneva: World Economic Forum, h. 13.

<sup>18</sup> Szentes, Tomas (1988), *The Transformation of the World Economy: New Directions and New Interests*, London, Tokyo dan New Jersey: The United Nations University, h. 3.

Hasilnya juga, pembangunan sering kali dikaitkan dengan aspek kemajuan berbentuk fizikal dan jasmani. Pembinaan bangunan-bangunan tinggi, penumpuan keterlaluan kepada sains dan teknologi serta banyak hal lain yang bersifat zahariah semata-mata. Indeks kaya miskin pula dinilai berasaskan material semata-mata sehingga mewujudkan ketidakseimbangan dan kekacauan kepada pembangunan tersebut. Jarang benar pembangunan itu dikaitkan dengan perancang, pembina, penggerak dan pelaksana kepada pembangunan tersebut, walhal aspek inilah yang perlu diletakkan sebagai keutamaan. Bahkan manusia yang bertanggungjawab membangunkan sesebuah pembangunan itu dilihat hanya menyumbang dari satu sudut sahaja sebagai pembangun tanpa memikirkan bahawa pembangun itu perlu dibangunkan terlebih dahulu sebelum mereka membangunkan aspek-aspek lain pula, termasuk aspek lahiriah.

Hal inilah yang biasa dikesamping dan dinafikan oleh ramai pihak. Hasilnya pembangunan yang dirancang dan dilalui tidak menepati citra fitrah semulajadi manusia. Bencana alam dikatakan menjadi ancaman global berikutan pertumbuhan penduduk, pembangunan tidak terancang, masalah alam sekitar dan sikap manusia sendiri yang meningkatkan pelbagai ancaman tersebut. Hasilnya 85% penduduk dunia terdedah kepada bencana gempa bumi, ribut taufan dan banjir. Ia juga mengakibatkan kerugian besar pada ekonomi sesebuah negara dengan peningkatan kerugian sekitar AS\$75.5 bilion pada 1960-an kepada sejumlah kira-kira AS\$659.9 bilion pada 1990-an.<sup>19</sup>

Di sini jelas menunjukkan acuan pembangunan yang dibawa Barat bukan sekadar diimport secara besar-besaran dan paksaan kepada negara-negara membangun dan dunia ketiga bahkan bahana yang dialami hasil konsep pembangunan tersebut turut dirasai dan terpaksa ditanggung oleh negara-negara lain. Beberapa pengkaji seperti Escobar, Wallerstein dan Reece menyatakan bahawa idea dan konsep pembangunan dan kemiskinan yang digunakan hari ini adalah ciptaan pasca Perang Dunia Kedua. Idea dan konsep ini digunakan oleh Amerika Syarikat bertujuan untuk mengukuh dan memperluas dominasi mereka ke seluruh dunia.<sup>20</sup> Apa yang disebut sebagai penjajahan dan dominasi baru ini secara rasmi diisytiharkan oleh Presiden Truman pada 20 Januari 1949 melalui ucapan penerimaan jawatan presidennya yang menekankan idea pembangunan.<sup>21</sup>

Hasilnya sistem pasaran ekonomi kapitalis dengan menjadikan *dollar* sebagai mata wang dunia berjaya meletakkan Amerika Syarikat sebagai kuasa unipolar. Di samping itu, pembangunan berasaskan materialisme ini juga membawa mudarat

---

<sup>19</sup> Faiza Zainudin (2008): "Malaysia tubuh Pusat Bantuan Bencana Asia". *Berita Harian*: 3 Disember. [http://www.bharian.com.my/Current\\_News/BH/Wednesday/Nasional/20081202232942/Article/index.html](http://www.bharian.com.my/Current_News/BH/Wednesday/Nasional/20081202232942/Article/index.html), 3 Disember 2009.

<sup>20</sup> Ishak Shari, "Pembangunan: Mengejar Impian atau Khayalan" dalam Misran Rokimin, et al. (2002), *Falsafah dan Peradaban Pembangunan*, Bangi: Penerbit UKM, h. 25.

<sup>21</sup> Antara petikan kata-kata beliau: "*The old imperialism exploiting for foreign profit has no place in our plans. What we envisage is a program of development based on the concept of democratic fair-dealing. Democracy alone can supply the vitalising force to stir the people of the world into triumph action not a mere against human oppressors but also against their ancient enemies: hunger, misery and despair.*" Dipetik dari Ishak Shari, *Ibid*.

yang lebih besar kepada kehidupan. Ia bersifat kering dan kontang, menerbitkan pelbagai kacau-bilau dan lebih jauh lagi keganasan dan peperangan. Banyak contoh yang boleh diutarakan berkenaan kesan negatif yang dihadapi oleh dunia masa kini apabila pembangunan yang dirancang tidak berteraskan fitrah manusiawi yang sebenar. Malaysia merupakan negara Islam teratas yang menduduki tangga ke-21 dari sudut nilai saing di peringkat global bagi tahun 2008-2009. Ia disusuli Qatar yang menduduki tangga ke 26 dan Arab Saudi di tangga ke-27.<sup>22</sup> Namun kedudukan tersebut turut disaingi masalah yang terhasil dari corak pembangunan ini. Jenayah, pencemaran alam, bencana alam, pengangguran, gejala sosial dan banyak lagi yang mewarnai pembangunan pesat Malaysia kini.

Dadah diisytiharkan secara rasmi sebagai masalah keselamatan Malaysia pada tahun 1983.<sup>23</sup> Statistik Agensi Anti Dadah Kebangsaan (ADK) menunjukkan dari tahun 1988 hingga 2004 seramai 311,163 penagih dadah telah dikesan di Malaysia. Jumlah ini merupakan 1.4 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia.<sup>24</sup> Secara puratanya, seramai enam penagih baru dan lima penagih berulang telah dikesan setiap hari sepanjang bulan Januari hingga Ogos 2009 dengan 81.59% adalah dari etnik Melayu.<sup>25</sup> Manakala perbelanjaan seorang penagih secara purata di Pusat Serenti untuk tempoh dua tahun dalam tahanan adalah sebanyak RM 29,200.00.

Setiap penagih memerlukan kira-kira RM10.00 sehari termasuk RM6.35 untuk membiayai kos makanan, manakala bakinya untuk keperluan seharian seperti ubat, baju, kasut serta latihan vokasional. Kos penyelenggaraan premis termasuk bil elektrik dan air, gaji pegawai, kos mengurus aspek perundangan dan lain-lain menjadikan perbelanjaan seseorang penagih itu mencecah RM40.00 hingga RM50.00 sehari. Tambah menakutkan Malaysia dikesan menjadi transit sindiket penyeludupan dadah sintetik *Amphetamine Type Stimulant (Amphetamine Jenis Rangsangan (ATS))* seperti syabu dan *ecstasy* yang dikatakan lebih merbahaya dari heroin. Satu kajian akademik menunjukkan 10% penagih dadah di negara ini berkemungkinan menjadi gila menjelang 2020 akibat penyalahgunaan dadah sintetik ini.<sup>26</sup>

Dalam konteks gejala sosial pula, keadaan dan realiti semasa kehidupan remaja kini sangat mencemaskan. Remaja di Malaysia mula menerima perlakuan 'intim' seperti berpeluk, bercium dan hubungan seks antara pasangan kekasih sebagai sesuatu yang normal. Kajian yang dilakukan oleh Pertubuhan Kebajikan Darul Islah Selangor menunjukkan dari 30 siri seminar motivasi yang dikendalikan di Lembah Klang, 25-30% pelajar sekolah menengah mengaku telah melakukan

---

<sup>22</sup> World Economic Forum, The Global Competitiveness Report 2008-2009, <http://www.weforum.org/pdf/gcr/2008/rankings.pdf>, 12 Disember 2008.

<sup>23</sup> INTAN (2006), *Pentaabiran dan Pengurusan Awam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), h. 380.

<sup>24</sup> *Ibid.*

<sup>25</sup> Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Laporan Dadah Ogos 2009, [http://www.adk.gov.my/modules/xt\\_conteudo/index.php?id=226](http://www.adk.gov.my/modules/xt_conteudo/index.php?id=226), Tarikh akses: 12 November 2009

<sup>26</sup> Teras Pengupayaan Melayu (t.t), *Di Sebalik Wajah Pembangunan*, TERAS, h. 6.



hubungan seks sejak masuk sekolah menengah. Kajian yang sama mendedahkan 60-70% pelajar sekolah rendah berumur 9-12 tahun mengetahui mengenai seks dan berminat untuk mengetahui lebih lanjut melalui bahan-bahan lucuah.<sup>27</sup>

Tambah menggepakan kajian yang dilakukan oleh Durex Global Sex Survey di Malaysia mendapati 20.35% wanita dan 21.42% lelaki telah mengadakan hubungan seks antara umur 13-17 tahun. Kajian ini diambil dari sampel seramai 5409 orang penduduk Malaysia. Ini termasuk empat orang wanita dan lima puluh satu orang lelaki yang telah melakukan hubungan seks sebelum umur 13 tahun. Kajian pada tahun 2005 yang membabitkan lebih dari 317,000 orang dari 41 buah negara ini juga menunjukkan secara puratanya remaja Malaysia melakukan hubungan seks kali pertama pada usia 14.9 tahun menurun dari purata 19.3 tahun pada 2004. Ini sangat rendah berbanding purata umur di peringkat global iaitu pada usia 17.3 tahun.<sup>28</sup> 35% pula melakukan hubungan seks bebas sehingga menyebabkan pelbagai penyakit khususnya HIV dan AIDS. Hubungan ini menyebabkan peningkatan 46% penularan AIDS di Malaysia pada tahun 2002 melalui seks bebas (homo/biseksual dan heteroseksual) meningkat berbanding tahun 1995 yang hanya mencatatkan 7.5%.<sup>29</sup> Banyak lagi contoh-contoh lain yang mengerikan dan menunjukkan berlakunya kepincangan dalam arus pembangunan kini.

Oleh sebab itu, kesedaran manusia kepada pelbagai konflik yang melanda kini menyebabkan ramai pihak khususnya kerajaan mencari jalan penyelesaian terhadap permasalahan terbabit. Antara solusi yang dilihat paling berkesan dan tepat ialah keperluan memberi tumpuan kepada aspek pendidikan dan pembangunan modal insan. Ini menjadikan modal insan dalam konteks pengertian yang lebih luas bukan hanya dilihat sebagai komponen terpenting dalam ekonomi moden sahaja, tetapi juga sebagai penyumbang kepada kestabilan dan keharmonian pembangunan, politik, budaya dan sosial sebagai fokus dasar-dasar negara. Pembangunan modal insan wajar melahirkan manusia yang memiliki ilmu pengetahuan dan nilai moral yang tinggi serta memiliki kemahiran-kemahiran tertentu yang boleh dimanfaatkan dalam bidang pekerjaan dan kehidupan seharian secara berkesan dan berkualiti. Kebanyakan negara membangun berlumba-lumba membentuk modul dan strategi bagi menjayakan usaha pembentukan modal insan dengan memperuntukkan peruntukan belanjawan negara yang menelan kos berbilion-bilion ringgit.

Malaysia tidak terkecuali menjadikan pembangunan modal insan sebagai salah satu strategi pembangunannya. Ia merupakan satu usaha untuk membangunkan warga Malaysia sebagai satu landasan kecemerlangan pada masa hadapan. Berdasarkan teras dasar yang digariskan oleh kerajaan, modal insan yang ingin dibangunkan adalah individu yang berilmu, berkeyakinan, mempunyai nilai murni

---

<sup>27</sup> *Ibid.*, h. 15.

<sup>28</sup> Durex 2005 Global Sex Survey Report, [http://www.durex.com/uk/files/2005\\_GGS%20Report\\_final.pdf](http://www.durex.com/uk/files/2005_GGS%20Report_final.pdf), 16 Disember 2008.

<sup>29</sup> Consensus Report on HIV and AIDS, Epidemiology in 2004: Malaysia, Kuala Lumpur: Ministry of Health and World Health Organisation (WHO), h. 1.

dan moral yang tinggi, beretika, berbudi pekerti, bersopan-santun, berdisiplin, dinamik, inovatif, kreatif, sihat, bersemangat patriotik, adil, progresif, cekal dan berdaya saing. Insan ini memiliki personaliti unggul dan akan menentukan hala tuju negara pada masa hadapan.<sup>30</sup>

Negara memerlukan pekerja-pekerja terlatih, berkemahiran dan produktif dalam berbagai bidang. Keperluan ini semakin meningkat selaras dengan peralihan kepada ekonomi berasaskan pengetahuan. Tenaga mahir ini dilihat perlu dilengkapkan dengan jati diri tinggi yang penuh dengan sifat-sifat jujur, amanah, berwawasan demi mengutamakan kualiti pekerjaan.<sup>31</sup> Oleh itu modal insan yang ingin dilahirkan ialah modal insan berkualiti lagi seimbang dari segi jasmani, rohani dan intelek. Ia juga untuk melahirkan tenaga kerja terlatih lagi berdaya saing, baik di dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa.

Sehubungan itu, pembangunan modal insan menjadi teras kepada Misi Nasional dalam Rancangan Malaysia Ke-Sembilan iaitu rancangan Malaysia terpenting yang menjadi titik permulaan fasa kedua negara menuju Wawasan 2020. Pembangunan modal insan ditekankan dalam teras kedua melalui peningkatan keupayaan penduduk dalam aspek pengetahuan, inovasi dan nilai. Melalui teras kedua ini rakyat dilihat sebagai aset negara paling berharga. Ia merupakan satu inisiatif transformasi negara untuk melangkah ke arah ekonomi berpaksikan pengetahuan dan menjadi negara maju serta kekal pada tahap tersebut. Oleh itu modal insan adalah satu keperluan bukan lagi satu kemewahan.<sup>32</sup> Empat strategi utama untuk melahirkan modal insan berminda kelas pertama ialah<sup>33</sup>:

1. Meningkatkan keupayaan dan penguasaan ilmu pengetahuan.
2. Memperkukuhkan keupayaan R&D, sains dan inovasi.
3. Memupuk masyarakat berbudaya dan memiliki kekuatan moral.
4. Memperkasakan golongan belia dan wanita.

Sejumlah RM47.7 bilion diperuntukkan yang merupakan 23 peratus dari Bajet 2009 untuk pendidikan dan latihan. Antara proses pembangunan yang dirangka ialah mempertingkatkan program latihan dan kemahiran, meningkatkan kualiti pendidikan, memperluaskan program PINTAR<sup>34</sup> dan memupuk budaya kecemerlangan. Strategi meningkatkan program latihan dan kemahiran ialah melalui naik taraf politeknik dan kolej komuniti, pembinaan institut latihan, menaikkan elaun bulanan pelatih, penambahan bilangan jururawat serta penyediaan 100,000 peluang latihan industri. Langkah meningkatkan kualiti

---

<sup>30</sup> The Prime Minister's Office of Malaysia, *Pembangunan Modal Insan Penjana Wawasan 2020*, <http://www.pmo.gov.my/modalinsan/index.html#>, 22 Januari 2009.

<sup>31</sup> Abdullah Ahmad Badawi, *Perutusan Hari Pekerja 2007*, Putrajaya: Pejabat Perdana Menteri.

<sup>32</sup> INTAN (2006), *op. cit.*, h. 280.

<sup>33</sup> Pentadbiran dan Pengurusan Awam di Malaysia (2006), *op. cit.*, h. 280.

<sup>34</sup> Abdullah Ahmad Badawi, *Ucapan Bajet Tahun 2009: Ketika Membentang Rang Undang-Undang Perbekalan (2009) di Dewan Rakyat*, 29

Ogos 2008, h. 3. Program PINTAR melibatkan pengambilan sekolah angkat oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Program ini merupakan salah satu inisiatif di bawah program transformasi GLC yang telah berjaya melibatkan 23 syarikat GLC dan anak syarikatnya serta memberi manfaat kepada 152 buah sekolah di seluruh negara. Abdullah Ahmad Badawi, *Ibid.*, h. 21.

pendidikan pula adalah melalui pertambahan perbelanjaan untuk penyelenggaraan, bantuan makanan, biasiswa, geran per kapita dan peralatan baru, pembinaan sekolah rendah dan menengah yang baru dan pemberian perbelanjaan mengurus IPTA, Politeknik, Kolej Komuniti dan Agensi Kelayakan Malaysia.<sup>35</sup>

Dalam Bajet 2010 pula, aspek pembangunan modal insan diletakkan di bawah strategi kedua iaitu memastikan pembangunan mapan dan holistik. Bajet ini merupakan bajet terakhir untuk tempoh rancangan Malaysia kesembilan dan menjadi asas pembentukan model ekonomi baru dan pembuka tirai untuk rancangan Malaysia kesepuluh (RMK-10).<sup>36</sup> Dengan tema meningkatkan modal insan berkemahiran tinggi, aspek yang ditekankan ialah peningkatan kemahiran dan pengetahuan dengan langkah yang diambil ke arah membentuk individu dalam bidang sains dan teknologi, menggilap keupayaan keusahawanan serta memupuk nilai-nilai positif dan progresif.<sup>37</sup> Sebanyak RM30 bilion diperuntukkan kepada pendidikan rendah dan menengah melalui usaha-usaha perluasan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan. Usaha-usaha menggilap tenaga berkemahiran juga menjadi asas penting kepada pembangunan modal insan dalam bajet ini seperti penyediaan tabung pinjaman, pembinaan dan naik taraf, program latihan dan sebagainya.<sup>38</sup>

Namun berdasarkan strategi yang dibentuk terdapat beberapa kekurangan yang perlu diperbaiki. Tiada strategi khusus yang menekankan pembinaan rohani dan spiritual dengan menjadikan pendidikan rabbani berteraskan akidah Islam atau paradigm tauhid sebagai landasan. Langkah yang digariskan lebih kepada latihan berbentuk kemahiran dan penyediaan fasiliti pendidikan. Hasrat untuk melahirkan modal insan yang seimbang tidak akan mampu tercapai jika strategi dibuat hanya menumpukan kepada latihan, kemahiran dan penyediaan fasiliti mengikut kehendak pekerjaan semasa. Ini kerana, manusia yang membawa dan menentukan hala tuju arus pembangunan ini perlu disemai, dididik, diajar dan dipupuk dengan pengajaran yang bersifat dwi-dimensi iaitu yang melihat kepada dunia dan akhirat, rohani dan jasmani, serta fizikal dan mentalnya. Mengesampingkan salah satu dari duanya akan menyebabkan kepincangan kepada pembangunan.

Modal insan yang dibangunkan secara sempurna juga harus bukan sekadar dilaburkan untuk kepentingan ekonomi dan pasaran industri semata-mata, tetapi ia perlu lebih jauh dari itu, iaitu manusia harus dibangunkan dengan kerohanian yang luhur bagi mewujudkan pembangunan yang benar-benar seimbang. Oleh itu aspek kerohanian atau spiritualiti yang harus dibangunkan dengan berkesan ini memerlukan kepada agama. Aspek keagamaan inilah yang akan mencorakkan praktik kehidupan seseorang itu sehari-hari. Oleh sebab itu agama yang berteraskan kepada akidah yang sah mempunyai peranan yang besar dalam membentuk modal insan yang berkualiti dan seimbang dari segi rohani dan jasmaninya. Oleh yang demikian, pembangunan yang kontang dari unsur rohani

---

<sup>35</sup> *Ibid.*, h. 20.

<sup>36</sup> Mohd. Najib Tun Abdul Razak, *Ucapan Bajet Tahun 2010*, <http://bajet.treasury.gov.my/>, h. 2.

<sup>37</sup> *Ibid.*, h. 23.

<sup>38</sup> *Ibid.*, h. 26-29.

bahkan menafikan idea agama yang merupakan asas kehidupan merupakan pembangunan yang berunsur 'kebinatangan' (*animal*). Ini kerana ia berbalik kepada perkara asas yang membezakan manusia dengan binatang, iaitu kekuatan minda dan roh serta kemampuan manusia dalam pengawalan hawa nafsu. Jika pembangunan yang dimajukan menepati akal minda dan meletakkan kepentingan rohani di landasan yang sebenar, maka pembangunan tersebut menepati citra fitrah manusiawi.

Namun jika sebaliknya yang berlaku, dengan nafsu dibebaskan manakala rohani dikekang, maka pembangunan yang dibawa tersebut mencirikan sifat binatang yang tidak mempunyai rohani dan akal serta cenderung bertindak menurut hawa nafsunya. Tambahan pula, fitrah semulajadi manusia sememangnya berkehendakkan kepada pembinaan rohani yang merupakan elemen terpenting ke arah pembentukan manusia yang sempurna. Jika perbezaan ini diketepikan, maka tiada perbezaan antara manusia dengan binatang. Oleh sebab itu apabila pembangunan dibicarakan maka permulaan atau mukadimah kepada perbincangan tersebut harus menumpukan kepada soal insan yang membangunkannya. Ini kerana mereka bukan sekadar menjadi penggerak kepada pembangunan bahkan akan menerima sama kesan tersebut sama ada baik mahupun sebaliknya, di dunia ini ataupun di akhirat. Atas asas itu, aspek pembangunan modal insan yang seimbang merupakan aspek yang perlu diberi perhatian dan keutamaan yang sewajarnya dalam skop pembangunan yang bersifat holistik. Insan selaku modal dan tenaga, bukan sekadar dilatih dari sudut fizikalnya semata-mata bahkan perlu diseimbangi dengan latihan dan didikan rohani yang berkesan. Kemahiran insaniah yang menekankan sahsiah yang terpuji, berbudi pekerti unggul, penggunaan mental berpandukan agama, pelaksanaan amalan dan gerak kerja berteraskan konsep ihsan serta amal atas dasar kefahaman ilmu, jelas merupakan konsep terpenting bagi melahirkan modal insan yang akan menggerakkan pembangunan yang seimbang.

Justeru, satu modul pembangunan insan yang benar-benar berkesan berpaksikan nilai asas yang kukuh sebagai tunjangnya merupakan satu keperluan untuk pembangunan negara kini. Perbincangan dan perbahasan di peringkat permukaan dan bersifat konseptual semata-mata perlu dipindahkan kepada penyediaan satu mekanisme yang berkesan dan berkualiti bagi memastikan insan yang dibangunkan benar-benar unggul dari segi sahsiah, jati diri dan pekerjaannya. Terdapat perbezaan yang sangat ketara antara konsep pembangunan modal insan menurut perspektif Barat dengan apa yang dibawa oleh Islam. Kadangkala kita terkeliru dengan perbezaan kedua-dua konsep pandangan ini sehingga menyebabkan berlaku kecelaruan dalam minda seseorang.

Oleh sebab itu, tanpa menolak sepenuhnya konsep yang dibawa oleh Barat ini, perbezaan antara kedua-duanya perlu dijelaskan secara pasti bagi memastikan pembangunan yang dilaksanakan selari dengan fitrah insan dan alam sekeliling serta yang terpenting, ia selari dengan perintah Allah SWT dan rasul-Nya. Penekanan kepada aspek rohani dan jasmani, juga pembangunan aspek ilmu secara seimbang berasaskan pendekatan akidah akan melahirkan modal insan yang berkualiti, mencakupi setiap dimensi manusia itu sendiri.

## **Kesimpulan**

Secara ringkasnya, boleh dirumuskan bahawa pembangunan modal insan menurut perspektif Barat gagal mencerminkan pembangunan yang bersepadu dan menyeluruh. Ia berbalik kepada konsep pembangunan neo-liberal Barat yang berunsurkan material sepenuhnya. Negara-negara membangun cuba meniru konsep yang sama agar mereka seiring dengan arus globalisasi yang mementingkan daya saing ekonomi di peringkat global. Oleh itu kerajaan-kerajaan negara membangun mengurangkan peranan mereka dan membenarkan kuasa pasaran memainkan peranan yang lebih luas dengan melaksanakan langkah liberalisasi, deregulasi dan penswastaaan. Negara dianjurkan untuk menumpukan kepada usaha meningkatkan daya saing ekonomi dalam pasaran global serta mengurangkan program melindungi dan membantu golongan bawahan dalam masyarakat.<sup>39</sup> Para pelabur dan syarikat gergasi mula menjarah hasil bumi negara atas nama pembangunan. Hasilnya sumber manusia digerakkan, diminta bekerja keras dan diberikan latihan demi latihan untuk mengejar matlamat di atas. Natiujahnya kemiskinan semakin meningkat, jurang perbezaan pendapatan semakin ketara dan dunia semakin terancam dengan pencemaran yang berleluasa.

Justeru satu bentuk pembangunan yang menyeluruh, seimbang dan melangkaui semua aspek berbentuk kebendaan perlu ditekankan. Corak pembangunan ini telah berjaya ditonjolkan oleh Islam melalui prinsip-prinsip yang terkandung dalam Islam itu sendiri dan dibuktikan dengan tamadun agung Islam yang terbina selaras dengan kebangkitan Rasulullah SAW yang membawa ajaran Islam yang syumul.

Pembangunan modal insan menurut perspektif Islam adalah pembangunan yang melihat insan sebagai watak terpenting dalam sesebuah pembangunan. Pembangunan insan ini pula dibangunkan dalam diri dan di luar diri manusia. Ia bergerak seiring dengan pembangunan dan tidak boleh diasingkan dalam rangka kerja yang lain. Ini kerana pembangunan Islam ialah pembangunan yang bersepadu dan menyeluruh meliputi rohani dan jasmani serta dunia dan akhirat. Tiada istilah insan selaku modal yang memberi keuntungan material kerana material hanya satu bahagian dari matlamat yang ingin dicapai. Tetapi kadar pulangan yang dihajati adalah ganjaran di dunia dan juga di akhirat berdasarkan amal soleh dan kerja kuat yang dilaksanakan dalam amalan hidup seharian. Ia bersifat multi-dimensi, melibatkan perubahan kuantitatif dan kualitatif serta penekanan penggunaan sumber yang dianugerahkan secara adil.<sup>40</sup> Ini kerana pembangunan yang dilaksanakan adalah untuk penyempurnaan kesejahteraan manusia dalam semua aspek.

---

<sup>39</sup> Ishak Shari (2002), *op. cit.*, h. 31.

<sup>40</sup> Mohd Kamal Hassan (1988), *op. cit.*, h. 252.

## **Rujukan**

Abdullah Ahmad Badawi (2007), "Human Development: The Engine of Economic Growth" dalam Abdullah Ahmad Badawi (ed), *Islam Hadhari Approach: Towards a Progressive Islamic Civilisation*, Putrajaya: JAKIM.

Abdul Rahman Ahmad (2006), *Pembangunan Modal Insan: Apa dan Kenapa Perlu Dalam Konteks Organisasi di Malaysia*, Kuala Lumpur: Human Resources Academy.

Dhesi, Autar S. (1979), *Human Capital Formation and its Utilization*, New Delhi: Sterling Publishers Pvt. Ltd.

Hideo Seki (1985), "Greeting", dalam Nihon Rodo Kyokai (ed), *Toward Better Utilization of Human Resources In Asian Countries, Asian Regional Conference on Industrial Relations*, Tokyo: The Japan Institute of Labour, h. 177.

INTAN (2006), *Pentadbiran dan Pengurusan Awam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Ishak Shari (2002), "Pembangunan: Mengejar Impian atau Khayalan" dalam Misran Rokimin, et al. (ed), *Falsafah dan Peradaban Pembangunan*, Bangi: Penerbit UKM, h. 25.

Rahmah Ismail (1996), *Modal Manusia dan Perolehan Buruh*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ratna Roshida Abd Razak (2010), 'Modal Insan Aset Utama Pembentukan Tamadun Bangsa', dalam Mohd Roslan Mohd Nor dan Ahmad Zaki Berahim @ Ibrahim (eds.), *Pembangunan Modal Insan & Tamadun dari Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Schultz, Theodore W. (1971), *Investment in Human Capital: The Role of Education and of Research*, New York: The Free Press.

Szentes, Tomas (1988), *The Transformation of the World Economy: New Directions and New Interests*, London: The United Nations University.

Teras Pengupayaan Melayu (t.t), *Di Sebalik Wajah Pembangunan*, (t.t.p): TERAS.

## **Dokumen**

Abdullah Ahmad Badawi, *Perutusan Hari Pekerja 2007*, Putrajaya: Pejabat Perdana Menteri.

\_\_\_\_\_, *Ucapan Bajet Tahun 2009: Ketika Membentang Rang Undang-Undang Perbekalan (2009) di Dewan Rakyat*, 29 Ogos 2008.

Consensus Report on HIV and AIDS, Epidemiology in 2004: Malaysia, Kuala Lumpur: Ministry of Health and World Health Organisation (WHO).

World Economic Forum (2009), *The Global Competitiveness Report 2009-2010*, Geneva: World Economic Forum.

### **Laman web**

Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), <http://www.adk.gov.my>

Berita Harian, <http://www.bharian.com.my>

Durex 2005 Global Sex Survey Report,  
[http://www.durex.com/uk/files/2005\\_GGS%20Report\\_final.pdf](http://www.durex.com/uk/files/2005_GGS%20Report_final.pdf)

National Economic Action Council,  
<http://www.neac.gov.my/index.php?ch=61&pg=138>

The Prime Minister's Office of Malaysia, Pembangunan Modal Insan Penjana Wawasan 2020, <http://www.pmo.gov.my/modalinsan/index.html#>.

*Ucapan Bajet Tahun 2010*, <http://bajet.treasury.gov.my/>.

World Economic Forum, The Global Competitiveness Report 2008-2009, <http://www.weforum.org/pdf/gcr/2008/rankings.pdf>